

# Najib bimbang laporan diputar belit

BH - 25/6/2022 m/s: 17

## Saksi cadang kepada bekas PM bawa Jabatan Audit Negara siasat syarikat

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi di sini semalam, dimaklumkan Datuk Seri Najib Razak bimbang mengenai kandungan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diputar belit bagi tujuan politik.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy, berkata bekas Perdana Menteri itu menyuarakan kebimbangannya melalui perbualan telefon pada 23 Februari 2016, sehari sebelum mesyuarat bagi membincangkan pindaan laporan audit 1MDB di pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN) ketika itu, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Terdahulu, Hakim Mahkamah Tinggi, Mohamed Zaini Mazlan, membenarkan permohonan pi-

hak pendakwaan supaya Arul Kanda memberi keterangan terhadap bekas Perdana Menteri itu dalam kes pindaan laporan akhir pengauditan syarikat pelaburan strategi negara itu.

Arul Kanda menjadi saksi pendakwaan mengikut Seksyen 63 Akta Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketika disoal Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram pada sesi pemeriksaan utama, sama ada beliau dipengaruhi apa yang dinyatakan Najib kepadanya ketika menghadiri mesyuarat terbabit, beliau menjawab:

“Saya ada memikirkan mengenai apa yang dinyatakannya dari segi memastikan kepentingan syarikat dipertahankan, ada juga dalam fikiran saya kebimbangan penemuan dalam laporan audit 1MDB diputar belit secara politik.

“Pada pemahaman saya, laporan itu mungkin diputar belit yang boleh memudaratkan Najib,” katanya.

Ketika menjawab soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib,

Arul Kanda berkata, Najib meluahkan kerisauan mengenai masalah kewangan dihadapi 1MDB apabila syarikat itu tidak berupaya membayar balik pinjaman dan projek Tun Razak Exchange (TRX) yang tertanggung.

Ketika disoal sama ada Najib juga menyuarakan kebimbangan kepentingan negara akan terjejas, saksi itu menjawab, “Ya.”

“Pada proses audit itu saya berdepan kesukaran mendapatkan dokumen bagi mengetahui apa yang berlaku dalam syarikat.

“Saya juga mencadangkan Najib membawa Jabatan Audit Negara (JAN) sebagai pihak ketiga bagi siasatan terhadap syarikat,” katanya.

Disoal Muhammad Shafee sama ada Najib pernah menghalang penilaian JAN, Arul Kanda menjawab, “Tidak.”

**Muhammad Shafee:** Ada atau tidak mana-mana pihak mengarahkan kamu memberikan keterangan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengikut versi mereka?

**Arul Kanda:** Tidak.



Arul Kanda

**Muhammad Shafee:** Adakah kamu mengetepikan integriti pada pendengaran PAC dengan mengabaikan perkara yang kamu sepatutnya kemukakan?

**Arul Kanda:** Tidak sama sekali.

Mengenai dana 1MDB pula, Arul Kanda berkata, mengikut rekod kewangan syarikat, Najib tidak menerima wang (di selewangkan) daripada syarikat itu.

Arul Kanda berkata, beliau menerima arahan (tidak dinyatakan daripada siapa) untuk hadir pada perjumpaan di rumah pegawai khas Najib ketika itu, Datuk Seri Ahmad Farid Ridzuan di Kiara Hill pada Disember 2015, iaitu dua minggu sebelum pendengaran PAC pertama.

Beliau berkata, melalui perjumpaan yang turut dihadiri Pengerusi PAC ketika itu, Datuk Hasan Arifin, beliau diminta memberikan maklumat mengenai 1MDB, masalah dihadapi syarikat itu dan pelan rasionalisasi serta saman sivil Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (DoJ).

“Pada pertemuan itu, saya berkongsi apa yang saya akan kemukakan pada pendengaran PAC kepada Hasan,” katanya.

Dalam perbicaraan sebelum ini, bekas Pengerusi 1MDB, Tan

Sri Mohd Bakke Salleh memberitahu mahkamah, beliau menerima ‘garis panduan’ supaya tidak mengaitkan nama Najib dengan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low, ketika memberikan keterangan di hadapan PAC berkaitan 1MDB.

Mohd Bakke berkata, garis panduan itu disampaikan oleh Hasan dan Ahmad Farid, melalui dua mesyuarat di rumah Ahmad Farid di Kiara Hill dua minggu sebelum pendengaran PAC.

Sementara itu, Arul Kanda turut menjelaskan, beliau diarahkan Najib untuk menyertai ‘ceramah’ sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) bagi memberikan penjelasan isu 1MDB.

Disoal peguam sama ada beliau menjawab soalan hadirin pada ceramah itu bagi mempertahankan Najib, Arul Kanda berkata, beliau mempertahankan kepentingan syarikat berdasarkan dokumen yang ada padanya.

“Jika saya tiada pengetahuan isu ditanya, saya hanya bersandarkan maklumat oleh pihak berkuasa. Ketika itu, Peguam Negara ada mengeluarkan kenyataan membebaskan Najib (daripada salah laku),” katanya.

Perbicaraan bersambung 4 Julai depan.